

01 APR 1998

Stesen radio

PENGURUSAN BARU AMBIL ALIH CATS RADIO

KUCHING, 1 April (Bernama) -- Stesen radio swasta pertama di Sarawak, Cats Radio dijangka diambil alih oleh satu pengurusan baru walaupun tersebar khabar angin ia akan ditutup.

Ketua Eksekutif Cats Radio, Dr Zuraidi Ishak berkata rundingan sedang diadakan dengan sebuah syarikat tempatan untuk mengambil alih stesen itu dalam masa sebulan dua ini.

Stesen milik Kristal Harta Sdn Bhd itu memulakan operasinya 24 jam sehari pada 8 Ogos 1996 selepas pelancaran rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Diwujudkan dengan pelaburan sebanyak kira-kira RM7.5 juta termasuk kos pemancar siaran, peralatan studio dan kerja-kerja pengubahsuaian studio.

Dr Zuraidi berkata kesemua pekerja stesen itu akan dikekalkan walaupun diambil alih oleh pengurusan baru.

Beliau menafikan khabar angin bahawa Cats Radio akan ditutup berikutan penutupan enam daripada 11 stesen pemancarnya sebagai langkah sementara berikutan kegawatan ekonomi.

Semalam stesen itu mengumumkan stesen pemancar di Sri Aman, Sarikei, Lawas, Kapit dan Bakun akan dihentikan operasi berkuatkuasa malam tadi.

Dr Zuraidi berkata penutupan tersebut akan menjimatkan separuh daripada kos penyelenggaraan tahunan sebanyak RM3 juta untuk mengendalikan 11 stesen pemancar.

Katanya, pendengar terutama di Sri Aman dan Sarikei terkejut dengan pengumuman itu kerana buat masa ini ia merupakan satu-satunya stesen dalam bahasa Iban yang dipancar dalam bentuk stereo.

Bagaimanapun operasi stesen-stesen di Kuching, Sibul, Bintulu, Miri dan Limbang akan diteruskan untuk memberi perkhidmatan kepada pendengar di kawasan bandar.-- BERNAMA

CJ oba